

# CUKAI TANAH SUMBER UTAMA KEARAH PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH KE ARAH 'KEDAH MAJU 2010'

Ayer Hitam, Jerlun: 03 Januari 2005

Catatan oleh: Mohd Asri Redha KPSU(P) Daerah Kecil Jerlun

Pembangunan sesebuah negeri banyak bergantung kepada kemampuan kewangan sesebuah negeri. Negeri Kedah mempunyai perancangan yang besar dalam pembangunan negeri ini. Antara perancangan terbesar Kerajaan Negeri Kedah ialah Pelan Tindakan Kedah Maju 2010. Melalui pelan ini Kedah dijangka akan mencapai taraf negeri maju pada tahun 2010. Semua perancangan dan pelan tindakan ini memerlukan kewangan yang kukuh untuk membolehkan ianya mencapai objektif yang diharapkan. Lantaran itulah di Negeri Kedah, cukai tanah memainkan peranan penting sebagai sumber utama kewangan negeri Kedah. Ini adalah kerana kutipan cukai tanah memberi sumbangan yang terbesar dalam sumber kewangan negeri Kedah. Tunggakan cukai tanah yang banyak akan menjejaskan segala perancangan kerajaan dalam memberi keselesaan kepada rakyat jelata. Kecekapan kutipan dan keselesaan pembayar merupakan perkara penting dalam menggalakkan rakyat membayar cukai tanah.

Dalam hal ini bermacam-macam cara dan pendekatan telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menggalakkan rakyat khususnya pemilik tanah membayar cukai. Antara usaha-usaha kerajaan ialah dengan menubuhkan Pejabat Daerah Kecil Jerlun yang mana salah satu fungsi utamanya ialah mengutip cukai tanah. Dengan adanya pejabat yang dekat dengan rakyat akan memudahkan lagi rakyat membayar cukai tanah dan boleh mendapat lain-lain perkhidmatan yang disediakan.

Bagi menggalakkan rakyat membayar cukai awal Pejabat Daerah Kecil Jerlun telah mengadakan insentif kepada pembayar cukai awal dengan memberi cenderamata-cenderamata yang berguna kepada pembayar-pembayar awal. Cenderamata berbentuk beg dan pen ini diberikan sehingga stoknya habis. Ini bermakna siapa awal dan cepat maka ia dapat. Maklumbalas yang diterima amat menggalakkan. Sepanjang bulan Januari 2005 ini lebih RM30,000.00 telah dapat dikutip. Kutipan sepatutnya boleh bertambah lagi bagi daerah kecil ini sekiranya beberapa isu dan masalah berkenaan kemaskini maklumat geran/pemilik dikomputer dapat disegerakan. Disamping itu hebahan-hebahan telah dibuat kepada orang ramai melalui sepanduk-sepanduk yang dipasang dan juga pemberitahuan dalam majlis-majlis kerajaan yang diadakan dalam Daerah Kecil Jerlun ini.



Sepanduk yang dipasang bagi menggalakkan tuan tanah membayar cukai tanah di Pejabat Daerah Kecil Jerlun



Salah seorang pembayar cukai tanah terawal sedang menerima cenderamata dari en.Mohd Asri Redha .Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan(Pembangunan) Daerah Kecil Jerlun